

21/05/1999

Dr M hurai formula kemajuan negara

JOHOR BAHRU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini mengingatkan rakyat supaya memelihara perpaduan dan budaya kesederhanaan kerana ia adalah sebahagian daripada formula kemajuan negara selama ini.

Berucap kepada 5,000 orang di kediaman Menteri Besar di sini, Perdana Menteri yang menghuraikan panjang lebar mengenai dua faktor itu berharap semua kaum tidak lupa dengan nilai yang menjadi tunjang kepada kekuatan negara selama 42 tahun membangun tahap demi tahap sejak merdeka.

Beliau mengemukakan banyak contoh untuk direnungkan semua pihak termasuk kejatuhan beberapa empayar terkenal dunia seperti kerajaan Islam dan Rom pada masa lalu kerana tidak berusaha mengekalkan kemajuan negara.

Dr Mahathir turut mengajak rakyat berfikir sendiri bahawa kemajuan negara bukan secara kebetulan, sebaliknya dicapai melalui usaha bersungguh-sungguh berlandaskan kepada dua formula berkenaan.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, kesederhanaan yang memang menjadi sifat orang Melayu dan Bumiputera lain serta turut dimiliki kaum Cina dan India, adalah penyumbang kepada keamanan dan mengelak keganasan serta rusuhan.

"Saya sebut semua ini kerana kita perlu tahu apa formula kemajuan negara kita. Ia (kemajuan) bukan datang dengan sendiri apabila sesebuah negara itu merdeka kerana banyak negara lain tetap miskin dan mengemis sekalipun sudah merdeka," katanya di majlis keramaian Kerajaan Negeri sempena lawatan dua hari beliau ke Johor mulai hari ini.

Dr Mahathir turut disertai isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Datin Prof Jamilah Ariffin.

(END)